

En _____

En / Puan,
Pengetua,

Tarikh:

Tuan / Puan,

**Memohon Menubuhkan Persatuan Agama Kristian di SMK _____,
berdasarkan pada Surat Perkeliling Bilangan 2 Tahun 2011 – Penubuhan Persatuan
Agama Bukan Islam Di Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan**

Berhubung dengan perkara tersebut di atas, saya _____,
bapa kepada _____ (Kelas _____) mewakili pelajar-pelajar dan ibu-bapa
beragama Kristian SMK _____, memohon supaya Persatuan Agama
Kristian ditubuhkan di SMK _____.

Sebab-sebab untuk permohonan menubuhkan Persatuan ini adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Persatuan tersebut adalah selaras dengan Prinsip pertama Rukunegara iaitu “Kepercayaan kepada Tuhan,” dan dengan Perlembagaan Negara di mana kebebasan agama terjamin. Penubuhan Persatuan Agama Kristian akan mendorong anak-anak kita menjadi insan yang beriman dan berwatakan mulia.
- (ii) Aktiviti-aktiviti Persatuan ini membolehkan pelajar-pelajar beragama Kristian berinteraksi dan membincangkan masalah-masalah remaja dan pengalaman hidup sebagai penganut Kristian. Tambahan pula ia dapat membantu perkembangan pengetahuan dan kefahaman agama dan sikap serta tingkahlaku yang sihat supaya pelajar Kristian akan menjadi seorang warganegara yang berteladan baik dan dapat menyumbangkan kepada kebaikan sekolah.

Dua orang guru beragama Kristian seperti yang disenaraikan di bawah sanggup menjadi penasihat jika dipersetujui oleh Tuan.

Guru Penasihat : _____

Guru Penasihat : _____

Bersama-sama surat ini disertakan dokumen-dokumen seperti yang dikehendaki dalam Garis Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan bagi dipertimbangkan dan dipanjangkan untuk kelulusan pihak Pendaftar.

Dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti berikut:

1. Surat Persetujuan menjadi Guru Penasihat.
2. Senarai nama murid-murid yang ingin menjadi ahli Persatuan Agama Kristian
3. Perlembagaan Persatuan Agama Kristian SMK _____
4. Draf Rancangan Aktiviti Tahunan Persatuan Agama Kristian SMK _____
5. Surat daripada badan rujukan Persatuan Agama Kristian

Kerjasama dan pertimbangan tuan didahului dengan ucapan ribuan terima.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

()

Salinan: _____
Penolong Kanan Kokurikulum